

Setuju tangguh kosongkan setinggian

Kerajaan negeri prihatin, ambil peduli bantahan penduduk di kawasan tapak projek tebatan banjir

■ NORAFIZA JAAFAR

SUNGAIBULOH - Kerajaan negeri bersetuju menangguhkan pengosongan setinggian sepanjang rizab Sungai Kedondong, dan di atas tanah kerajaan selama tiga bulan bermula kelmarin.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pembedaan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib berkata, notis pengosongan untuk memberi laluan kepada projek tebatan banjir itu telah tamat 30 Jun lalu.

Namun, penduduk membantah arahan itu melalui aduan yang dibuat kepada Pusat Khidmat Masyarakat Dun Paya Jaras.

Menurutnya, mengambil kira bantahan penduduk, ke-

rajaan negeri melanjutkan tempoh pengosongan dan mempertimbangkan untuk mengurangkan jumlah pemindahan.

"Hanya penduduk yang membina struktur atas tapak projek atau di tanah rizab kurang 50 meter dari sungai perlu mengosongkan unit mereka dan jumlahnya akan diketahui selepas semakan semula unit terlibat dibuat.

"Projek melibatkan pelebaran sungai dan melencongkan laluan sungai mengikut rizab dengan meminimumkan penggunaan lot persendirian telah lama dirancang bagi menyelesaikan isu banjir di kawasan itu dan sekitarnya," katanya kepada *Sinar Harian*, kelmarin.

Beliau berkata demikian selepas lawatan di Kampung



Zaidy mengemudi lawatan bersama wakil JPS, kontraktor dan ketua kampung.

Paya Jaras Hilir, Mukim Sungai Buloh, ekoran bantahan penduduk berhubung perobohan kediaman di kawasan mereka yang terletak di atas tapak projek tebatan banjir.

Zaidy berkata, kerajaan ne-

geri melalui Exco Perumahan, Datuk Iskandar Abdul Samad, juga akan meneliti dan mencari jalan terbaik untuk membantu rakyat yang terlibat jika ada perobohan dibuat.

"Berhubung penempat-

an baru, perkara itu akan dibincangkan dalam mesyuarat kerajaan termasuk melihat tanah lapang yang boleh digantikan untuk penduduk terjejas.

"Pengosongan tidak da-

pat dielakkan bagi meneruskan projek bernilai RM5.9 juta itu bagi menyelesaikan masalah banjir. Dijangka projek sepanjang 1.15 kilometer itu siap menjelang Mei 2017," katanya.